

BOLTON

Date : 19 May 2010
Publication : Utusan Malaysia
Title : BOLTON pinjam RM195 juta

Bolton pinjam RM195 juta

KUALA LUMPUR 18 Mei – Pemaju hartanah, Bolton Bhd. telah memeterai kemudahan perbankan bersindiket bernilai RM195 juta dengan tiga buah bank bagi membiayai rancangan pengembangannya dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.

Affin Investment Bank Bhd, Affin Bank Bhd dan OCBC Bank (Malaysia) Bhd, telah komited untuk menyediakan RM170 juta kemudahan pinjaman bertempoh dan RM25 juta kemudahan kredit pusingan.

Pengerusi eksekutif Bolton, Datuk Azman Yahya berkata dana itu akan membantu dalam pengambilalihan tanah yang strategik, membiayai sebahagian daripada kos pembangunan dan keperluan modal kerja kumpulan.

Pada masa ini, nisbah gearan kumpulan masih lagi rendah pada 0.58 kali walaupun dengan penggunaan penuh kemudahan berkenaan, kata beliau dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Azman berkata seiring dengan rancangan untuk memenuhi semula simpanan tanah mereka, separuh daripada kemudahan yang diluluskan akan digunakan untuk mengambil alih tanah, khususnya di Lembah Klang dan Pulau Pinang.

Bolton akan melancarkan tiga projek kondominium mewah di Lembah Klang dan projek pembangunan komersil bercampur di Puchong pada akhir tahun ini dengan nilai pembangunan kasar melebihi RM1 bilion. - BERNAMA